

Rakyat Kelantan sendiri rugi jika undi Semangat 46 - PM

GUA MUSANG 28 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat Kelantan bahawa mereka sendiri yang akan rugi jika mengundi Semangat 46 semata-mata kerana benci kepadanya. Perdana Menteri ber-

kata, beliau tidak penting tetapi yang penting ialah UMNO.

"Tengku Razaleigh meminta rakyat Kelantan benci kepada saya, soalnya dia suruh tuan-tuan benci kepada saya buat apa, saya tinggal di Kedah, akhirnya yang rugi

ialah tuan-tuan juga.

"Ini kerana Semangat 46 dan APU tidak mempunyai keupayaan untuk menang dalam pilihanraya dan jika menang di Kelantan tetapi kalah di seluruh negara pun tiadanya," ujarnya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap dalam perjumpaan dengan peneroka-peneroka KESEDAR dan FELDA, masyarakat Orang Asli serta rakyat Kelantan Selatan di Tanah Rancangan Ciku 3 di sini petang ini.

Beliau menyeru rakyat Kelantan supaya jangan tertipu dengan janji-janji palsu Semangat 46.

Katanya, segala rancangan Semangat 46 kini terkandung dalam sebuah pita rakaman yang akan didedahkan kepada masyarakat Kelantan tidak lama lagi.

"Sekarang semua ada pada kita, cuma menunggu masa sahaja untuk didedahkan," katanya.

Beliau seterusnya menyeru rakyat Kelantan dan masyarakat Gua Musang khususnya supaya kembali kepada UMNO kerana Semangat 46 tidak boleh mencapai kemenangan dalam pilihanraya akan datang.

Menurutnya, rakyat mestilah memikirkan kepentingan jangka panjang kerana apa gunanya memberi undi kepada parti yang kemudiannya hancur dalam pilihanraya.

Perdana Menteri berta-

nya apakah yang boleh diberi oleh Semangat 46 kepada para peneroka.

Katanya, oleh kerana Semangat 46 tidak mempunyai ahli yang ramai kini mereka melawan UMNO dengan menggunakan tenaga PAS dan DAP.

Mereka, katanya, berpakat di manakah kawasan yang akan bertanding dan membahagi-bahagikan kerusi sesama sendiri.

Beliau memberitahu, kini pemimpin Pas telah menyerahkan 60 kerusi kepada Semangat 46 dan ahli-ahlinya mungkin tertanya-tanya di kawasan manakah Pas selamat untuk bertanding.

"Dulu kita bolehlah juga hormat Pas kerana mereka mempunyai prinsip tetapi sekarang mereka gadai segala-galanya termasuk menggadaikan maruah kepada orang-orang seperti Lim Kit Siang," ujar beliau.